



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

KARNIVAL USAHAWAN DAN JUALAN MEGA MADANI (KUJMM) KUSKOP 2024 DI PERLIS

SANGLANG, 24 Februari 2024 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis menganjurkan Karnival Usahawan dan Jualan Mega MADANI (KUJMM) KUSKOP 2024 bertempat di Pasar Tani Kekal Simpang Empat, Perlis bermula 23 hingga 25 Februari 2024. Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail berkenan menyempurnakan program ini yang turut berangkat Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Majlis perasmian KUJMM KUSKOP 2024 juga akan dihadiri oleh YAB Tuan Mohd Shukri bin Ramli, Menteri Besar Perlis dan YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Duli-duli Tuanku turut berkenan menyaksikan penyampaian 6 cek bantuan pembangunan dan pembiayaan perniagaan oleh 5 agensi iaitu TEKUN Nasional, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, SME Corp Malaysia, SME Bank dan Bank Rakyat berjumlah RM12,433,960 kepada usahawan dan koperasi di Perlis yang layak.

KUJMM KUSKOP 2024 menyasarkan kehadiran 8,000 pengunjung dengan menawarkan jualan barangan keperluan serta perkhidmatan usahawan dan koperasi pada kadar harga diskaun sehingga 20% kepada masyarakat setempat sekali gus membantu memperluaskan pemasaran produk usahawan dan koperasi. Sebanyak 49 tapak jualan KUJMM KUSKOP 2024 telah disediakan kepada usahawan, koperasi dan Agro MADANI bagi menawarkan jualan pelbagai produk dan perkhidmatan termasuk kelengkapan sekolah terus dari kilang, pakej pelancongan, pertanian dan sebagainya.

Selain itu, terdapat juga 6 *food truck* dan 12 khemah peniaga FAMA yang menjual aneka makanan dan minuman disediakan untuk pengunjung. Keseluruhan usahawan dan koperasi yang terlibat adalah daripada negeri Perlis iaitu di bawah seliaan agensi-agensi keusahawanan peringkat persekutuan mahupun Kerajaan Negeri.

Turut disediakan 18 reruai pameran yang terdiri daripada agensi di bawah KUSKOP, agensi persekutuan dan agensi Kerajaan Negeri Perlis yang menyediakan pelbagai maklumat dan perkhidmatan termasuk kaunter bayaran saman oleh PDRM, kaunter pemeriksaan kesihatan oleh KKM dan kaunter pemeriksaan motosikal oleh JPJ.

Program keusahawanan seperti Program Pembangunan Koperasi *Social Enterprise* (SE), Seminar Asas Pembangunan Produk dan Perkhidmatan (SAPPS) dan Sesi Libat Urus YB Menteri KUSKOP Bersama Usahawan, Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil turut dimuatkan sebagai salah satu pengisian utama KUJMM KUSKOP 2024. Antara pengisian lain bagi aktiviti tarikan pengunjung ialah permainan rakyat, pertandingan mewarna, *Tik Tok Challenge* dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.

KUSKOP yakin program seumpama ini berupaya memberi manfaat kepada rakyat setempat dari segi penjimatan harga barangan keperluan asas harian selain daripada memperkasakan perniagaan kepada usahawan dan koperasi di Perlis. Selain itu, Program KUJMM KUSKOP 2024 ini juga menyokong aspirasi Kerajaan Negeri menjadikan Perlis sebagai destinasi tumpuan pelancong sempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

24 Februari 2024